



MEMO

No. Rujukan : PBKSB/VAKSIN/HSEQ/Vol.2/0422/5

Tarikh : 10 April 2022

Kepada : Penyewa dan Pelanggan, PBKSB

Daripada : Pengurus HSEQ, PBKSB

VAKSIN – SYARAT KEMASUKAN KE *KEMAMAN SUPPLY BASE*

Tuan / Puan,

Berikutan pengumuman fasa endemik oleh Kerajaan Malaysia bermula 1 April 2022, kawalan-kawalan yang sebelum ini dikenakan bagi mengawal penyebaran wabak Covid19 telah dikurangkan seminima yang mungkin.

Namun demikian, sebagai langkah menjaga kebaikan dan kesihatan komuniti yang bekerja, PBKSB mewajibkan semua kakitangan syarikat, syarikat penyewa, kontraktor, pembekal serta pelawat yang memasuki kawasan *Kemaman Supply Base* supaya melengkapkan sekurang-kurangnya 2 dos vaksin tanpa mengira jenis. Bagi mereka yang menerima Vaksin Sinovac dimestikan mendapatkan dos penggalak bagi memastikan status vaksin tidak dilucutkan. Syarikat-syarikat penyewa hendaklah juga memastikan semua yang berurusan dengan mereka dapat mematuhi peraturan yang sama.

Sekiranya didapati terdapat pihak yang tidak memenuhi keperluan ini, pihak PBKSB berhak untuk tidak membenarkan mereka memasuki kawasan *Kemaman Supply Base*.

Terima kasih.

"KOMITED, SELAMAT, BERINTEGRITI"

Yang Benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Syed Abdullah Syed Omar".

(SYED ABDULLAH SYED OMAR)

Pengurus Besar

Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn. Bhd.